

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 Disember 2001

SOALAN

YB Dato' Haji Ahmad Bin Ismail minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengambil langkah segera termasuk program bantuan kepada hampir 900,000 wanita yang kini terpaksa menjadi ketua isi keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Terlebih dahulu saya ingin memohon untuk menjawab pertanyaan Y.B bersekali dengan pertanyaan daripada Y.B Dato' Haji Ahmad Bin Ismail pada 6 Disember 2001 kerana beliau telah membangkitkan isu yang sama. Tuan Yang DiPertua, Mengikut maklumat Jabatan Perangkaan pada tahun 2000 terdapat 895,000 isi rumah yang diketuai wanita. Angka ini termasuk keluarga di mana wanita yang belum berkahwin menjadi ketuanya. Bilangan ibu tunggal yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal di seluruh negara setakat ini berjumlah 17,246 orang. Sebagai jentera Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita, Kementerian ini amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita termasuk ibu tunggal. Bagi membantu golongan ini, Kementerian ini sedang dan akan terus melaksanakan langkah berikut:- a) Menyelaraskan penyediaan khidmat sokongan termasuk kaunseling; b) Memperluas peluang mendapat kemahiran bagi meningkatkan keupayaan mencari rezeki; dan c) Mengatur program keusahawanan yang meliputi cara mengenal pasti peluang perniagaan dan modal. Melalui khidmat sokongan, Kementerian berharap akan dapat mengaturkan pemberian bantuan segera termasuk khidmat bimbingan yang bertujuan menguatkan semangat dan golongan ini untuk terus maju dalam kehidupan mereka. Untuk maksud ini, Kementerian sedang mengkaji pendekatan yang berdaya maju bagi mewujudkan kemudahan untuk membantu golongan ini. Pada masa ini, Kementerian telah pun melantik seorang kaunselor untuk membimbing golongan ini dan perkhidmatan ini akan dikembangkan dengan melantik para kaunselor.

